

JAWAPAN

**KERTAS SOALAN
PEPERIKSAAN SEBENAR
SPM 2021-2024**

TASAWWUR ISLAM

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021

Bahagian A

1	Ad – Din	11	Syumuliyyah
2	Insan	12	‘Alamiyyah
3	Qisas	13	Pusat Zakat
4	Al Wadiah	14	Takaful
5	Ibadah Umum	15	Baitulmal
6	Wahyu	16	✓
7	Pemilikan Harta	17	✗
8	Syura	18	✓
9	Hak Memilih Agama	19	✓
10	Hak Bersuara	20	✗

Bahagian B

- 1 (a) (i) Maksud Ihsan: adalah melakukan sesuatu ibadah kerana Allah.
(ii) - Menjaga haiwan
- Memberi makan dan minum
- Membawa haiwan sakit ke klinik haiwan
 - (b) (i) - Mengucap dua kalimah syahadah
- Membayar zakat
(ii) Akan menjadi murtad / kerana tidak beriman dengan rukun Islam / yang merupakan asas kepada orang Islam.
/ Justeru kita hendaklah berusaha untuk melaksanakannya/ agar hidup ini diberkati Allah sebagai seorang muslim.
 - (c) (i) - Mengiktiraf pemilikan harta individu
- Mengelolakan harta yang dimiliki mengikut syarak
(ii) - Hak Milik Individu : Contohnya memiliki kereta peribadi
- Hak Milik Umum: Contohnya sungai
- Hak Milik Negara: Hasil Hutan
 - (d) - Tuntutan Ibadah kepada Allah
- Meningkatkan taraf sosioekonomi individu
- Memenuhi keperluan asas bagi sesebuah keluarga
- Meningkatkan ekonomi sesebuah negara
- 2 (a) - Nutfah - 'Alaqah - Mudghah - Izam dan Lahm
(b) - Mentadbir alam dengan terancang
- Menggunakan sumber alam dengan bijaksana
- Memelihara alam daripada pencemaran
- Memulihara alam bagi kelangsungan flora dan fauna
(c) - Menggunakan bahan terlarang seperti dadah
- Membuat maksiat seperti melayari pornografi
- Meminum arak kerana memabukkan
(d) (i) Pembalasan - Pencegahan - Pemulihan
(ii) - Ciptaan Allah yang tiada sebarang kelemahan
- Merangkumi semua aspek kehidupan
- Hukuman yang adil tanpa mengira pangkat
(e) - Membuat kempen / tentang kelebihan sistem Al-Rahnu. Ini dapat membuatkan umat Islam mendapat penerangan yang lebih jelas/ Kesannya, makin ramai umat Islam akan menggunakan Al-Rahnu./ Justeru, kita hendaklah menggunakan sistem gadaian Islam / agar dapat meningkat ekonomi umat Islam.
- 3 (a) - Al Quran - Al Sunnah - Al Ijmak - Al Qias

- (b) - Mendidik anak dengan baik
 - Mengamalkan akhlak mulia
 - Memberikan layanan mesra
 - Menjaga keterampilan diri
 - (c) (i) - Menjadi Imam Ketika solat fardu / dapat mendidik ahli keluarga / untuk menghormati ketua keluarga./
Oleh itu, solat berjemaah hendaklah diamalkan sentiasa / agar dapat membentuk keluarga yang soleh dan solehah./ seterusnya menjadi keluarga yang diberkati Allah.
 - (ii) - Makan bersama
 - Beriadah Bersama
 - Meraikan kejayaan
 - (d) (i) - Menyelaraskan tenaga manusia agar mengikut satu perancangan untuk mencapai objektif yang ditetapkan.
 - (ii) - Bersumberkan Al Quran dan Al Hadis
 - Bermatlamatkan dunia dan akhirat
 - Pentadbir sebagai pemegang amanah
 - (iii) - Mewujudkan pentadbiran negara yang efisien agar menjadi ikutan negara lain
 - Urusan dilaksanakan secara teratur dan menepati syarak
- 4 (a) Maksud Akidah : Keyakinan teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat – sifat-Nya berdasarkan dalil naqli dan aqli
- (b) - Al Kizbu - Al Khianah - Al Kitman - Al-Baladah
 - (c) - Mendidik hawa nafsu agar lebih tenang
 - Merehatkan sistem pencernaan agar kesihatan terjaga
 - Menyelami kesusahan seperti orang yang fakir miskin
 - (d) - Mendapat manfaat daripada sudut ganjaran pahala
 - Memperoleh jaminan keadilan dalam sistem kewangan Islam
 - (e) (i) - Al Murabahah
 - Al Bai' Bithaman Ajil
 - (ii) Menggunakan akad Islam yang lain/ seperti (Al Rahnu/Al Ijarah/Bayaran Tunai) untuk membeli food truck tersebut). Ini membuktikan Islam mempunyai pelbagai alternatif / untuk memiliki sesuatu harta dengan halal. / Justeru, kita hendaklah berusaha untuk menggunakan sistem ekonomi Islam / agar rezeki diperoleh itu diberkati Allah.

- 5
- (a) - Alam musyahadah / Alam dunia
 - Alam Rahim
 - (b) - Melahirkan masyarakat madani yang bertakwa
 - Pendidikan rohani, fizikal, mental dan emosi yang seimbang
 - (c) (i) - Mencalarkan imej sekolah / pelajar / keluarga kerana ianya aktiviti yang tidak bermoral
 - Boleh diambil tindakan undang oleh pihak berkuasa
 - (ii) - Menasihati pelajar tersebut/ agar tidak mengulangi tindakan tidak bermoral ini / kerana ianya boleh menjerumuskan diri mereka ke dalam kebinasaan / seperti kemalangan jalan raya. Justeru, pelajar dan guru serta masyarakat hendaklah memainkan peranan / agar kehidupan bermasyarakat menjadi lebih harmoni.
 - (d) (i) - Merujuk kepada wahyu Rabbani
 - Menegakkan keadilan dan menentang kezaliman
 - Mengamalkan adab dan akhlak Islam
 - (ii) - Mampu menyelesaikan masalah manusia secara menyeluruh
 - Mewujudkan keamanan dalam negara
 - Menegakkan amar makruf nahi mungkar
 - (e) (i) Maksud Hukum Hudud: Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan Hak Allah SWT
 - (ii) Kesalahan hudud : Zina / Qazaf / Minum Arak / Mencuri / Murtad
- 6
- (a) (i) - Berpandukan Al Quran dan Al Sunnah
 - Menghormati pelbagai budaya dan adat resam
 - Mengamalkan akhlak mulia
 - (ii) - Kebebasan Beragama - Kebebasan bersuara
 - Perlindungan Nyawa - Kehormatan diri
 - Pemilikan harta - Keamanan dan keselamatan
 - (b) - Memenuhi naluri manusia untuk hidup berpasangan
 - Mengamalkan sunnah Rasulullah SAW
 - Memelihara diri dari melakukan maksiat
 - Memastikan kelangsungan zuriat menerusi ikatan pernikahan
 - (c) - Murid hendaklah menggunakannya dengan berhemah / seperti membalut buku teks / agar ianya tahan lebih lama. Ini menunjukkan murid tersebut bersikap Amanah dengan tanggungjawab yang diberikan./ Justeru, setiap murid hendaklah memanfaatkan setiap pemberian/agar menjadi hamba yang sentiasa bersyukur.
 - (d) (i) - Dimurkai Allah kerana tidak menunaikan tanggungjawab khalifah
 - Berlaku penyelewengan dalam pentadbiran negara
 - Terdedah kepada ancaman musuh seperti orang kafir
 - (ii) - Mentaati khalifah agar keamanan negara dapat dipelihara
 - Melaksanakan amar makruf nahi mungkar di dalam komuniti
 - Bekerjasama menjaga keamanan negara dari ancaman luar

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022

Bahagian A

1	Rasul	11	Pemilikan harta
2	Insan	12	Saling Memahami (Tafahum)
3	Fai'	13	Saling Bekerjasama (Ta'awun)
4	Integriti	14	Qazaf
5	Umum	15	Minum arak
6	Makkiah	16	✗
7	Qisas	17	✓
8	Al-Musawah	18	✓
9	Kebebasan agama	19	✗
10	Perlindungan nyawa	20	✓

Bahagian B

- 1 (a) – Taurat, Zabur, Injil dan Al-Quran
- (b) (i) Sebab wujudnya pegangan tersebut :
 - Lemah pegangan agama dalam diri hingga mudah membuat tafsiran tertentu.
 - Menggunakan logik akal semata-mata mentafsir hukum tanpa mendalaminya.
- (ii) Cara menolak dakwaan tersebut:
 - Kita mesti berusaha memberi fahaman yang menyeluruh bagi mengelak bentuk cara pemikiran sebegini (*I*). Hal ini kerana, pendidikan yang berkesan mampu membenteng seseorang tersasar jauh daripada ajaran Islam yang sebenar (*H*). Kesannya aqidah seseorang akan kukuh (*HL*). Kesimpulannya kita mestilah berusaha mendidik diri untuk mendalami Islam agar kita mendapat panduan yang sebenar dan tidak sesat (*K*).
- (c) (i) Dua prinsip asas ekonomi Islam :
 1. Akidah, syariah dan akhlak Islam sebagai teras
 - Penghayatan iman, hari akhirat serta patuhi syariat dalam kegiatan ekonomi.
 - Mengamalkan akhlak Islam dalam kegiatan ekonomi.
 2. Manusia sebagai Khalifah
 - Allah SWT pemilik segala-galanya, manusia sebagai pemegang amanah.
 - Makhluks-makhluks lain dicipta untuk memenuhi keperluan manusia.
 3. Pekerjaan dan ganjaran
 - Manusia perlu bekerja dan berusaha bagi menjana pendapatan.
 - Penglibatan dalam kegiatan ekonomi dikira sebagai ibadat dan majikan perlu beri ganjaran yang setimpal.
 4. Keuntungan dan kerugian
 - Keuntungan dan kerugian dalam ekonomi adalah perkara lumrah (biasa).
 - Mekanisma mudarabah dan musyarakah digalakkan bagi memenuhi prinsip ini. (kongsi modal dan kepakaran untuk berniaga)
 5. Keadilan sosial
 - Kegiatan ekonomi mesti membawa keadilan sosial kepada semua lapisan masyarakat.
 - Keperluan asas manusia seperti makanan dan tempat tinggal dijaga dan terpelihara.
 6. Larangan kerosakan dan kezaliman
 - Sebarang bentuk kerosakan kepada manusia atau alam sekitar hendaklah dielakkan.
 - Islam mengharamkan penindasan, penipuan, eksploitasi, pencemaran alam dan pembaziran dalam kegiatan ekonomi.
- (ii) Dua sebab sistem ekonomi kapitalis bertentangan dengan Islam:
 - Semua keputusan ekonomi di buat oleh kerajaan
 - Pemilikan individu tidak dibenarkan sama sekali
 - Seluruh kegiatan ekonomi diusahakan secara bersama.

***Mana-mana jawapan yang munasabah diterima*
- (d) Dua keistimewaan sistem ekonomi Islam:
 - Sistem yang lengkap dan menyeluruh berpandukan wahyu Allah SWT.
 - Berteraskan nilai dan akhlak Islam
 - Menggabungkan antara aktiviti ekonomi dengan akidah Islam.

- Memberi keutamaan kepada pengeluaran barangan asas (daruriyat) dan keperluan (hajiyyat) berbanding barangan mewah (tahsiniyyat).
 - Bermotifkan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.
- 2 (a) (i) Dua keistimewaan insan berbanding makhluk Allah yang lain :
- Keupayaan berfikir yang dikurnia Allah kepada manusia untuk membezakannya dengan haiwan.
 - Dianugerahkan rasul sebagai pembimbing dalam menuju kebenaran.
 - Diberikan kitab sebagai panduan agar tidak sesat.
 - Diberikan tanggungjawab sebagai khalifah untuk beribadat kepada Allah.
- (ii) Dua kepentingan Islam mewajibkan umatnya memelihara fitrah kejadian insan:
- Mendapat keredhaan dan petunjuk Allah dalam menjalani tugas sebagai khalifah.
 - Mengukuh keimanan dan menyemai ketakwaan dalam melaksanakan ibadat.
 - Menerima kebenaran dan menolak kebatilan dalam setiap perkara yang dilalui.
 - Membentuk kehidupan yang harmoni dan sejahtera sesuai dengan kehidupan bersyariat.
- (b) Dua kepentingan wahyu dalam memelihara akal :
- Wahyu memerintahkan manusia untuk menggunakan akal sepenuhnya.
 - Wahyu membimbing akal dalam memelihara kebenaran akidah dan iman.
 - Wahyu memastikan kesahihan ibadat yang menjadi tunggak amalan manusia.
 - Wahyu menjadi pemandu dalam mempraktikkan nilai dan amalan akhlak mahmudah dalam kehidupan.
 - Wahyu memandu akal untuk berfikir secara logik berlandaskan panduan dan syariat Islam.
 - Wahyu melindungi akal daripada sebarang perkara yang membawa kepada kerosakan dan kebinaasaan.
 - Lengkap merangkumi semua aspek kehidupan manusia.
- (c) Dua keunggulan sistem perundangan Islam :
- Ciptaan Allah yang bersih daripada sebarang kelemahan, kekurangan dan hawa nafsu.
 - Lengkap merangkumi semua aspek kehidupan manusia.
 - Hukuman yang adil tanpa mengira pangkat dan keturunan.
 - Hukuman memberi pengajaran supaya penjenayah tidak mengulangi kesalahan.
 - Mendidik jiwa manusia supaya takut akan pembalasan Allah.
- (d) (i) Dua contoh hukuman :
- Hukuman sebat 100 kali ke atas pezina yang belum berkahwin
 - Kesalahan mencuri dipotong pergelangan tangan
 - Minum arak disebat 40 kali sebatan
- (ii) Hukuman Islam dapat mendidik jiwa manusia :
- Setiap hukuman dalam Islam memberi peringatan kepada semua pihak bahawa jenayah adalah suatu kesalahan (*I*) melalui tindakan yang mendidik dan menginsafkan seperti potong tangan kepada pesalah mencuri (*H*). Hukuman ini akan kekal kepada pesalah dan sentiasa menjadi amaran kepada masyarakat agar menjauhi dan tidak melakukan jenayah tersebut. Sekiranya hukuman Islam dilaksanakan pasti menimbulkan kegerunan kepada masyarakat serta menjauhi kezaliman berlaku (*HL*). Maka, kita hendaklah memelihara diri dari melakukan kemungkaran agar sentiasa berada di bawah lembayung rahmat Allah SWT (*K*).

- 3 (a) (i) Prinsip pergaulan Islam yang wajar diamalkan :
- Mengutamakan keamanan dan kesejahteraan semua pihak.
 - Mengikut syariat Islam yang betul.
 - Menghormati semua pihak dengan baik.
- (ii) Kepentingan mengamalkan pergaulan Islam tersebut :
- Pada pendapat saya, kita dapat melahirkan masyarakat yang menjaga kesucian dan martabat Islam dengan cara mengikuti tatacara pemakaian yang betul (*I*). Hal ini, kerana pematuhan pakaian yang baik dan menutup aurat adalah lambang adab seseorang (*H*). Kesannya, maruah diri akan terpelihara (*HL*). Kesimpulannya, kita hendaklah menjaga tatacara pergaulan agar kita tidak terjebak dalam kancah dosa (*K*).
- (b) Dua kesan sekiranya prinsip pergaulan Islam tidak diamalkan dalam kalangan murid di sekolah :
- Membuka ruang berlakunya maksiat dalam kalangan murid seperti pendedahan aurat.
 - Menggalakkan perbuatan yang tidak bermoral berleluasa seperti gejala seks bebas.
- (c) Dua ciri sistem pemerintahan Islam :
- Meletakkan Allah sebagai pemegang kuasa yang mutlak manakala manusia sebagai khalifah Allah yang hanya pemegang amanah.
 - Peranan umat manusia sebagai khalifah yang diamanahkan untuk memakmurkan muka bumi.
 - Melaksanakan amar makruf nahi mungkar.
 - Membebaskan daripada keturunan, warna kulit, kawasan geografi.
- (d) (i) Empat peranan rakyat untuk memastikan sistem tersebut terlaksana :
- Memberikan taat setia kepada pemerintah.
 - Membantu membanteras kemungkaran.
 - Bekerjasama dalam mempertahankan keselamatan negara.
 - Menghormati kebebasan beragama.
- (ii) Matlamat pembentukan negara Islam;
- Menegakkan perundangan dan hukum Allah.
 - Merealisasikan keadilan supaya tiada yang teraniaya.
 - Memastikan kebajikan rakyat terjamin.
 - Mencapai kemakmuran demi kesejahteraan rakyat.
- 4 (a) (i) Maksud waqi'iyah :
- Mengutamakan keamanan dan kesejahteraan semua pihak.
 - Mengikut syariat Islam yang betul.
 - Menghormati semua pihak dengan baik.
- (ii) Dua ciri prinsip waqi'iyah :
- Praktikal dan mampu diamalkan
 - Menyelesaikan masalah kehidupan
 - Menekankan kesederhanaan dalam kehidupan
- (b) Dua kepentingan mengamalkan prinsip 'alamiyyah
- Islam mengutamakan bidang kemanusiaan
 - Islam menentang sikap diskriminasi antara kaum
- (c) (i) Dua ciri muamalat Islam
- Bersumberkan Al-Quran dan Hadis

- Reda meredai dalam urusan kedua belah pihak
- Adil dan memberi manfaat
- Tiada unsur penipuan
- (ii) Dua jenis muamalat Islam
 - Al-Wadiah (simpanan)
 - Al-Mudarabah (Pelaburan)
 - Al-Murabahah (jualan menambah keuntungan)
 - Al-Musarakah (syarikat)
- (d) Peranan Tabung Haji dalam memartabatkan sistem kewangan Islam di Malaysia :
 - Institusi kewangan Islam dapat memartabatkan sistem kewangan Islam di Malaysia dengan cara memberikan penerangan melalui media massa (*I*) supaya masyarakat tahu kebaikan bermuamalat dengan muamalat Islam (*H1*). Hal ini kerana liputan media massa dilihat medium yang mudah (*H2*) serta tepat menyampaikan maklumat dengan pantas dan berkesan (*H3*). Kesannya komuniti akan terdidik dan mendapat informasi serta kesedaran berkaitan sistem ekonomi Islam. (*HL*) Kesimpulannya, kita mesti memanfaatkan amalan muamalat berteraskan prinsip Islam supaya setiap urusan dijamin kemaslahatannya. (*K*)

5 (a) Dua fungsi wahyu terhadap ibadat :

- Sumber utama syariat Islam
- Membimbing dan memperbetulkan tatacara ibadat
- Ganjaran dan balasan beribadat ditetapkan oleh wahyu
- (b) (i) Punca menyumbang kepada peningkatan statistik bunuh diri :
 - Penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang yang mengganggu fungsi otak.
 - Terjebak dalam gejala negatif dan kancas dosa hingga membinasakan diri.
- (ii) Peranan wahyu menghalang perbuatan bunuh diri .
 - Peranan wahyu dalam menghalang perbuatan bunuh diri dengan cara membimbing masyarakat untuk berinteraksi antara satu sama lain dalam hal keselamatan. (*I*) Hal ini kerana, ia menjadikan masyarakat saling prihatin serta memahami keadaan kesihatan mental (*H*). Kesannya, unsur pencegahan dapat dilaksanakan dalam pelbagai usaha (*HL*). Kesimpulannya, kita hendaklah memelihara kesejahteraan akal supaya ia dapat memandu ke arah jalan yang benar. (*K*)
- (c) (i) Maksud kehakiman (*al-Qadha*) dari segi syarak
 - Menyelesaikan pertikaian atau tuntutan antara dua pihak atau lebih melalui proses undang-undang berdasarkan hukum syarak.
- (ii) Dua matlamat sistem kehakiman Islam
 - Keadilan yang dianjurkan dalam Islam tanpa mengira pangkat, harta dan kedudukan
 - Islam menentang sebarang bentuk kezaliman yang boleh menggugat keamanan hidup
- (d) Dua sebab larangan menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya :
 - Hakim dilarang menyebelahi mana-mana pihak sama ada pendakwa atau tertuduh (*Im*) supaya wujud keadilan (*Im*).
 - Hakim hendaklah jujur (*Im*) supaya kewibawaannya dihormati (*Im*).
 - Hakim dilarang mensabit kesalahan jika ada keraguan (*Im*) supaya tidak berlaku penganiayaan (*Im*).
 - Hakim dilarang menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya seperti kaum keluarga (*Im*) supaya keputusan yang dibuat tepat (*Im*).

****Mana-mana jawapan yang munasabah diterima**

- 6 (a) (i) Dua matlamat institusi kekeluargaan Islam
- Melahirkan generasi yang bertaqwa kepada Islam.
 - Membentuk kesempurnaan akhlak.
 - Memastikan kelangsungan zuriat manusia melalui ikatan perkahwinan yang sah.
 - Menjamin keutuhan sosial dan ekonomi.
- (ii) Dua tanggungjawab anak terhadap ibu bapa
- Mematuhi nasihat ibu bapa
 - Berkomunikasi dengan baik
 - Menjaga maruah ibu bapa
 - Menjauhi perbuatan mungkar
- (b) Empat contoh adab pergaulan bersama ahli keluarga :
- Menjaga batasan aurat
 - Menjaga batasan lelaki dan perempuan
 - Menjaga tutur kata
 - Menghormati orang lain
- (c) Punca penjawat awam lebih ramai terlibat dengan rasuah :
- Golongan tersebut mudah terdedah dengan pelbagai tawaran yang menarik (*I*). Hal ini kerana kebanyakan penjawat awam terlibat secara langsung dalam urusan melibatkan kewangan (*H1*) serta sebarang bentuk urusan berkaitan pembangunan(*H2*). Ini akan menjadikan mereka lemah terhadap godaan keduniaan (*H3*). Kesannya, mereka mudah gelap mata kerana wang yang ditawarkan lumayan meskipun hukumnya haram (*HL*). Kesimpulannya, sebagai umat Islam kita perlu mematuhi perintah Allah SWT dengan menjauhi amalan salah guna kuasa agar memperoleh keampunan dan rahmat daripada-Nya(*K*)
- (d) (i) Dua kepentingan prinsip tadbir urus dalam Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah :
- Menimbulkan nilai keimanan dan ketaqwaan dalam setiap urusan
 - Menjalankan tanggungjawab dengan penuh ketekunan dan amanah
 - Meneladani tadbir urus negara yang dilaksanakan oleh Rasulullah
 - Menjaga hubungan baik antara ketua dan ahli
- (ii) Dua tindakan untuk merealisasikan tadbir urus Islam dalam sesebuah organisasi
- Menjalankan tugas dengan penuh integriti/ tanggungjawab bukan untuk kepentingan peribadi.
 - Sentiasa efisien dan konsisten untuk menghasilkan kecemerlangan dalam setiap urusan yang dilaksanakan.
 - Membudayakan amar makruf nahi mungkar agar tugas mendapat keberkatan .
 - Membuat perancangan dan pemantauan yang sistematik secara berterusan .

***Mana-mana jawapan yang munasabah diterima*

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2023

Bahagian A

1	Iman	11	Al-Mudharabah
2	Waqi'iyah	12	Al-Musyarakah
3	Baitulmal	13	Nutfah
4	Takzir	14	Mudghah
5	Zakat	15	Nyawa / keturunan
6	Fardu Ain	16	Keturunan / nyawa
7	Sosialis	17	✗
8	Qazaf	18	✓
9	Kazib	19	✓
10	Kitman	20	✗

Bahagian B

- 1 (a) – Rukun Islam / Rukun Iman
 - (b) (i) Solat
(ii) Solat mempunyai darjat yang lebih tinggi berbanding amalan ibadat lain kerana ia merupakan tiang agama dan ibadat pertama yang difardukan oleh Allah SWT ke atas umat Islam. Ia juga menjadi amalan pertama yang akan dihisab di akhirat, dan jika solat seseorang diterima, maka amalan lain juga akan diterima. Hal ini juga menerangkan solat merupakan tanda ketaatan dan hubungan langsung antara hamba dengan Allah SWT, yang tidak boleh diwakilkan kepada orang lain. Ia juga mampu mencegah perbuatan keji dan mungkar serta mendidik jiwa menjadi tenang, disiplin dan berakhlak mulia. Oleh sebab itulah, solat diberi keutamaan dan darjat yang tinggi dalam Islam berbanding ibadat yang lain.
 - (c) – Keuntungan dan kerugian dalam kegiatan ekonomi adalah perkara lumrah.
– Penglibatan manusia dalam kegiatan ekonomi merupakan ibadah dan pekerja hendaklah diberi ganjaran yang setimpal oleh majikan.
 - (d) – Menjadi beban kepada keluarga dan Masyarakat. Individu yang tidak bekerja akan bergantung sepenuhnya kepada orang lain untuk menyara hidup, sekali gus menyukarkan kewangan keluarga dan menambah kadar kemiskinan dalam masyarakat.
– Mudah terjerumus ke dalam gejala sosial dan jenayah. Hidup tanpa pekerjaan menyebabkan seseorang merasa tertekan, hilang arah tuju dan mencari jalan mudah untuk mendapatkan wang seperti mencuri, menipu atau terlibat dengan najis dadah.
 - (e) – Memberi pendidikan agama dan kesedaran tentang dosa menipu. Individu perlu dididik dengan ilmu agama sejak kecil agar memahami bahawa menipu dalam timbangan adalah satu dosa besar dan perbuatan yang dimurkai Allah SWT
– Penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berkuasa. Kerajaan perlu menjalankan pemantauan dan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang menipu dalam timbangan bagi memastikan keadilan kepada pengguna dan pembeli.
- 2 (a) Maksud Insan : Insan ialah makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal dan ditugaskan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT serta memakmurkan alam
 - (b) – Mendapat keredaan serta petunjuk Allah kerana mensyukuri nikmat anugerah yang dikurniakan Allah.
– Mengukuh keimanan dan ketakwaan kepada Allah kerana menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah Allah.
– Menerima kebenaran dan menolak kebatilan dengan cara melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan larangan-Nya.
 - (c) – Menjalin hubungan erat sesama manusia agar terbentuk ukhwah silaturrahim yang harmoni
– Memelihara hak sesama manusia agar terjamin hak setiap pihak di sekeliling kita dengan selamat
– Mengamalkan nilai murni dalam masyarakat supaya konsep amar makruf nahi mungkar dapat dilaksanakan dengan jayanya.
 - (d) Al-Hadis / Al-Ijmak / Al-Qias

- (e) – Berasaskan wahyu Ilahi dan bukti yang mutlak kebenarannya Ini kerana hukum Islam bersumberkan al-Quran, hadis, ijmak dan qias yang dijamin kesahihannya oleh Allah SWT, tidak terikat kepada kepentingan individu atau perubahan zaman.
 - Menjaga maslahat umat secara menyeluruh (maqasid syariah). Hal ini kerana sistem perundangan Islam menjaga agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Ia tidak hanya menghukum tetapi juga mendidik dan memulihkan, menjadikan hukuman Islam bersifat adil dan berperikemanusiaan.
 - (f) Islam mengajar umatnya memelihara akal dengan menjauhi perkara yang memudaratkan akal seperti arak dan dadah. Akal merupakan anugerah Allah SWT yang membezakan manusia dengan makhluk lain, justeru ia wajib dipelihara daripada perkara yang boleh merosakkannya. Arak dan dadah adalah bahan yang menghilangkan kewarasan dan keupayaan berfikir secara rasional, serta mendorong seseorang melakukan perkara haram seperti jenayah, pergaduhan, dan pengabaian tanggungjawab. Oleh sebab itu, Islam mengharamkan penggunaannya secara mutlak dan menetapkan hukuman tertentu bagi mereka yang terlibat, demi menjaga kestabilan diri, keluarga, dan masyarakat
- 3
- (a) Sistem yang mengawal dan memberi panduan berkaitan cara manusia berhubung antara satu sama lain.
 - (b) Saling mengenali / Saling memahami / Saling bekerjasama
 - (c) – Mendengar bacaan Al-Quran dan Zikir
 - Menyertai majlis ilmu dan tazkirah
 - Beriadah ringan bersama ahli keluarga dan sahabat
 - Mendengar lagu nasyid dan muzik yang menenangkan
- Antara bentuk hiburan menurut Islam yang sesuai untuk warga emas ialah mendengar bacaan al-Quran dan zikir. Aktiviti ini memberi ketenangan jiwa kerana alunan ayat suci dan kalimah zikir mampu menenangkan hati yang gelisah. Bacaan al-Quran juga berfungsi sebagai terapi rohani yang mengingatkan mereka kepada kebesaran dan rahmat Allah SWT. Warga emas yang mengamalkan pendengaran al-Quran secara konsisten akan berasa lebih dekat dengan Pencipta dan dapat menghadapi kehidupan dengan lebih tenang. Selain itu, zikir yang diulang secara lembut juga boleh membantu menenangkan tekanan emosi dan mengurangkan perasaan sunyi. Oleh itu, hiburan berbentuk rohani seperti ini amat bersesuaian bagi warga emas kerana ia bukan sahaja merehatkan minda, tetapi juga menyuburkan iman dan menyegarkan jiwa.
- (d) (i) – Islam dijadikan dasar pentadbiran dan pengurusan negara.
 - Syura dijadikan salah satu kaedah yang digunakan dalam menguruskan pentadbiran.
 - Piagam Madinah dijadikan sebagai perlembagaan pentadbiran dan pengurusan zaman Rasulullah SAW.
 - (ii) – Bersumberkan Al-Quran dan hadis sebagai panduan utama yang digunakan.
 - Mengamalkan konsep syura dalam pentadbiran kerana ia mengambil kira aspek kebajikan rakyat.
 - Melaksanakan keadilan untuk semua pihak kerana hak semua lapisan Masyarakat dapat dipelihara.
 - (e) – Berlaku penyelewengan dan salah guna kuasa. Apabila tadbir urus tidak berdasarkan syariat Islam, individu yang diberi amanah cenderung mengutamakan kepentingan peribadi sehingga berlaku rasuah, penipuan, dan salah guna sumber organisasi.
 - Hilang keberkatan dan kepercayaan Masyarakat. Organisasi yang mengabaikan prinsip Islam seperti keadilan, ketelusan dan amanah akan kehilangan keberkatan daripada Allah SWT dan seterusnya menjejaskan reputasi serta keyakinan orang ramai terhadap kepimpinannya

- 4 (a) Menghormati orang lain dan masyarakat. / Amanah dalam menjalankan tugas
 - (b) – Bersikap lemah lembut terhadap umatnya. Allah SWT memuji kelembutan Rasulullah SAW dalam berinteraksi dengan para sahabat dan umat Islam.
 - Memaafkan kesalahan orang lain. Rasulullah SAW sering memaafkan musuh dan orang yang menyakitinya, termasuk ketika menawan kota Mekah, baginda memaafkan musuh-musuh yang dahulunya memusuhinya dengan keras.
 - (c) – Tetap dengan tidak goyah meskipun terdapat pelbagai pandangan yang mengelirukan.
 - Teguh dan tidak berganjak dengan pegangan prinsip serta perlaksanaan menurut Islam.
 - (d) – Bersumberkan al-Quran dan al-hadis
 - Reda-meredai dalam urusan antara kedua belah pihak
 - Adil dan mendatangkan manfaat
 - (e) (i) Institusi Kewangan Takaful.
 - (ii) Salah satu peranan takaful yang penting ialah menyediakan perlindungan kewangan yang patuh syariah kepada umat Islam. Berbeza dengan insurans konvensional yang mengandungi unsur riba, gharar dan maisir, takaful berasaskan prinsip tabarru' (derma) dan saling membantu antara peserta. Melalui sistem ini, peserta menyumbang sejumlah wang ke dalam dana bersama untuk membantu ahli lain yang ditimpa musibah seperti kematian, kemalangan atau kerugian harta. Peranan ini sangat signifikan dalam industri kewangan Islam kerana ia memberi pilihan alternatif yang bersih daripada unsur haram dan sesuai dengan prinsip maqasid syariah. Takaful bukan sahaja melindungi individu dan keluarga, malah menyumbang kepada kestabilan ekonomi ummah secara keseluruhan.
- 5 (a) – Dikurniakan akal fikiran untuk dimanfaatkan ke arah tujuan kebaikan.
 - Diberikan kitab sebagai panduan agar hidup mendapat petunjuk dan diberi pedoman.
 - Diberi tanggungjawab sebagai khalifah bertujuan memakmurkan bumi Allah.
 - (b) (i) Minum Arak / Bermain Judi
 - (ii) Salah satu punca gejala salah guna dadah tinggi dalam kalangan remaja ialah pengaruh rakan sebaya yang negatif. Remaja yang kurang daya tahan diri mudah terikut-ikut dengan ajakan rakan yang ingin mencuba keseronokan sementara melalui dadah. Keinginan untuk diterima dalam kumpulan atau dianggap berani juga mendorong mereka mencuba dadah tanpa memikirkan akibat jangka panjang. Hal ini menjadi lebih serius apabila tiada pengawasan daripada ibu bapa atau sistem sokongan yang kukuh. Akibatnya, remaja terjebak dalam ketagihan yang merosakkan akal, kesihatan dan masa depan mereka sendiri.
 - (c) (i) Maksud sistem kehakiman menyelesaikan pertikaian atau tuntutan antara dua pihak atau lebih melalui proses undang-undang berdasarkan hukum syarak.
 - (ii) – Menjatuhkan hukuman secara adil dan saksama setimpal dengan kesalahan. Hukuman yang dijatuhkan mestilah tidak mengira darjat, kedudukan supaya kredibiliti hakim dipandang tinggi.
 - Menjatuhkan hukuman dalam keadaan tenang. Hakim perlu membuat keputusan dalam keadaan yang tidak terburu-buru atau mempunyai pelbagai perasaan.
 - Menjatuhkan hukuman tanpa keraguan atau kesamaran. Sebarang dakwaan dan hukuman mesti melalui bukti yang cukup, bagi mengelakkan kekhilafan membebaskan tertuduh sekiranya tiada sabitan kes atau tidak mempunyai bukti yang kukuh supaya tidak berlaku penganiayaan kepada si tertuduh.

- (d) – Meningkatkan ilmu dan kefahaman agama. Seorang pelajar boleh menghadiri kelas agama, membaca al-Quran serta memahami hukum halal dan haram supaya dapat membezakan perbuatan yang dibenarkan dan dilarang oleh Islam.
 - Bersahabat dengan rakan yang berakhlak mulia. Pergaulan dengan rakan yang baik dapat memberi pengaruh positif dan mendorong pelajar menjauhi maksiat serta melakukan perkara yang diredai Allah SWT
- 6**
- (a) – Memenuhi naluri semulajadi manusia untuk hidup berpasangan berdasarkan syariat Islam
 - Mengamalkan sunnah Rasulullah dengan berkehidupan dan berkeluarga.
 - Memelihara diri daripada maksiat kerana mempunyai tempat untuk melunaskan tanggungjawab sebagai seorang suami dan bapa.
 - (b) – Memberi didikan agama dan akhlak sejak kecil.
 - Menyediakan keperluan asas dan kasih sayang.
 - (c) – Hiburan yang boleh meningkatkan iman dengan cara ia sentiasa membawa pendengar ke arah lebih dekat dengan Allah SWT.
 - Hiburan yang tidak bercanggah dengan syarak dengan tidak mencampur adukkan unsur maksiat, lucah atau perkara yang mendatangkan kemudharatan.
 - Hiburan yang berteraskan nilai akhlak Islam dengan memberi contoh teladan yang membawa kebaikan kepada pendengar juga penghibur.
 - (d) – Meletakkan Allah SWT sebagai pemegang kuasa mutlak manakala manusia sebagai khalifah dan hanya pemegang amanah.
 - Peranan umat Islam sebagai khalifah yang diamanahkan untuk memakmurkan muka bumi.
 - Mengamalkan syura dalam pemerintahan berdasarkan al-Quran dan al-Hadis.
 - (e) Khilafah bermaksud sistem pemerintahan Islam yang dinaungi oleh seorang pemimpin Islam yang adil, taat dan patuh pada syariat Allah SWT.
 - (f) Salah satu cara menjadi warganegara yang baik dan taat kepada pemerintah ialah mematuhi undang-undang negara selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam. Islam mengajar umatnya untuk hidup dalam keadaan teratur dan aman, justeru mematuhi peraturan seperti larangan merokok di tempat awam, membayar cukai, dan mematuhi undang-undang jalan raya merupakan tanggungjawab sebagai rakyat. Namun begitu, ketaatan ini tidak boleh sampai ke tahap menyokong perkara mungkar atau kezaliman yang jelas bertentangan dengan hukum Allah. Seorang muslim perlu bijak menilai antara ketaatan yang dibenarkan dan ketaatan yang membawa kepada dosa. Jika wujud arahan yang melanggar syariat, maka tanggungjawabnya adalah untuk menegur secara berhikmah atau menolak secara aman dan beradab. Dengan cara ini, seseorang itu mampu menjadi rakyat yang patuh, menyumbang kepada keharmonian negara, serta kekal taat kepada perintah Allah SWT.

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024

Bahagian A

1	Iman	11	Al-Mudharabah
2	Wahyu	12	Al-Musyarakah
3	Muamalat	13	Alam ruh
4	Hudud	14	Alam Barzakh
5	Al-Kitman	15	Undang-undang/wilayah
6	Belajar	16	Wilayah/undang-undang
7	Baitulmal	17	✗
8	Hudud	18	✗
9	Waqi'yyah	19	✓
10	Thabat	20	✓

Bahagian B

- 1 (a) (i) – Menunaikan solat fardu sehari semalam
– Mengeluarkan zakat
– Berpuasa di bulan Ramadan
– Menunaikan haji bagi yang berkemampuan
(ii) Ibadat : Melaksanakan solat jenazah. Hukum : Fardu Kifayah
(iii) Salah satu kepentingan mengamalkan ibadah fardu kifayah ialah dapat memenuhi keperluan asas dan kepentingan umat Islam dalam pelbagai bidang kehidupan. Apabila umat Islam melibatkan diri dalam bidang seperti perubatan, pendidikan, kejuruteraan, atau pengurusan jenazah, keperluan masyarakat dapat dipenuhi tanpa bergantung kepada pihak lain. Ini menunjukkan Islam sebagai agama yang lengkap dan praktikal dalam mengatur kehidupan duniawi dan ukhrawi. Oleh itu, kita hendaklah berusaha memberi sumbangan kepada masyarakat supaya kita dapat berbakti dan membantu masyarakat.
(b) – Al-Quran / Al-Hadis / Al-Ijmak / Al-Qias
(c) (i) – Pekerjaan yang halal
– Menurut kehendak syariat
– Menjaga ketenteraman awam
– Memastikan keselamatan diri dan orang lain
– Mengambil berat tentang ibadat
(ii) – Ikhlas kerana Allah dalam bekerja
– Keberkatan rezeki letak pada ketekunan bekerja
– Patuh pada ketua selagi tidak bertentangan syarak
– Komited bekerja untuk meningkatkan produktiviti agar mencapai piawai
– Berdisiplin dan menepati masa agar kerja dapat disiapkan.
(iii) – Menjamin rezeki yang halal dan mencukup kerana bekerja memenuhi keperluan hidup secara bermaruah dan tidak bergantung dengan orang lain.
– Membentuk disiplin dengan meningkatkan kemahiran diri kerana dengan bekerja ia dapat menambah pengalaman serta membina keyakinan dalam kehidupan.
– Membentuk jati diri dan sahsiah yang positif kerana bekerja mengajar seseorang untuk berdisiplin, mengurus diri dan kehidupan dengan lebih baik.
– Membina sumber rezeki yang halal kerana mengerjakan sesuatu pekerjaan melalui jalan dan sumber yang betul serta tidak menyalahi syariat
- 2 (a) (i) Alaqah – Mudghah – ‘Izam dan Lahm – Janin.
(ii) Manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.
(iii) – Menjalin hubungan baik sesama manusia
– Memelihara hak sesama manusia seperti hak terhadap jiran.
– mempraktikkan nilai murni dalam kalangan masyarakat dengan berpegang amar makruf nahi mungkar
– Menghormati sesama manusia.

- (b) – Membawa keruntuhan dan kerosakan akhlak kerana mula meninggalkan tanggungjawab beribadat, moral dan sebagainya.
- Membawa pada kemusnahan alam dan ketidakseimbangan sosial memandangkan manusia mula lupa amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya.
- Mengundang kemurkaan dan azab Allah SWT kerana melakukan kezaliman, merosakkan bumi dengan sesuka hati hingga mendatangkan kemudaratannya yang teruk.
- (c) (i) Hudud
- (ii) Zina / Qazaf / Mencuri / Merompak / Murtad
- (iii) – Menghilangkan kewarasan akal seseorang dengan menjadikannya tidak waras.
- Menjadikan seseorang itu boros kerana menghabiskan wang dengan membeli arak.
- Menjadikan seseorang melupakan tanggungjawabnya kepada Allah kerana melanggar hukum syarak.
- Mendorak-porandakan keluarga kerana menjadikan seseorang lupa asal usul dirinya.
- (iv) Salah satu cara untuk membendung perbuatan minum arak ialah memberikan pendidikan agama sejak awal usia. Pendidikan Islam yang menyeluruh dapat memupuk kefahaman bahawa arak adalah haram dan termasuk dalam dosa besar yang memudaratkan akal dan masyarakat. Apabila seseorang diberi kefahaman sejak kecil tentang hukum dan kesan buruk arak dari sudut agama dan kesihatan, mereka akan lebih berhati-hati dalam memilih gaya hidup. Oleh itu, kita hendaklah memberikan pendidikan yang berperanan membentuk akhlak mulia dan jati diri yang kuat agar tidak mudah terpengaruh dengan rakan sebaya atau budaya negatif luar

- 3
- (a) – Kebebasan beragama
 - Kebebasan bersuara
 - Perlindungan nyawa
 - Kehormatan diri
 - Pemilikan harta
 - Keamanan dan keselamatan
 - (b) (i) – Mengadakan tazkirah keluarga secara berkala.
 - Melaksanakan solat berjemaah bersama ahli keluarga.
 - Mengamalkan adab komunikasi yang berhemah dalam ahli keluarga.
 - Menghindari unsur negatif seperti hiburan yang melampau meresap dalam ahli keluarga.
 - (ii) Solat berjemaah dalam keluarga dapat menyumbang kepada kejayaan Kempen Rumahku Syurgaku kerana ia mengeratkan hubungan kekeluargaan melalui ibadah bersama. Ketika solat berjemaah, setiap ahli keluarga dapat berkumpul, menunjukkan rasa kasih sayang, serta belajar saling menghormati antara satu sama lain. Kesannya ia mewujudkan suasana rumah yang tenang dan diberkati, menjauhkan diri daripada perkara maksiat dan lalai. Dengan solat berjemaah yang konsisten, rumah tangga menjadi pusat ibadah dan tempat membentuk jiwa Islam dalam kalangan ahli keluarga.
 - (c) (i) – Islam dijadikan dasar pentadbiran dan pengurusan negara.
 - Syura dijadikan salah satu kaedah yang digunakan dalam menguruskan pentadbiran.
 - Piagam Madinah dijadikan sebagai perlembagaan pentadbiran dan pengurusan zaman Rasulullah.
 - Akidah Islamiah dijadikan pegangan dalam urusan pentadbiran menggantikan semangat assabiah.
 - (ii) – Integriti : Menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dengan tidak menggunakan kedudukan untuk kepentingan sendiri.
 - Efektif : Efisien dan konsisten dalam menghasilkan impak yang cemerlang.

- Amar makruf nahi mungkar : Membudayakan nilai murni dalam tadbir urus.
 - Sistematis : Membuat perancangan dan pemantauan yang berterusan.
 - (iii) – Beriman : Melaksanakan pentadbiran dengan penuh taqwa dan akauntabiliti.
 - Amanah : Menjalankan tugas dengan sebaik mungkin.
 - Berwawasan : Mempunyai perancangan dan berpandangan jauh membangunkan organisasi.
 - Ikhlas : Melaksanakan pekerjaan dengan tekun dan sepenuh hati.
 - (iv) – Melaksanakan tanggungjawab dengan amanah supaya organisasi dapat berjalan dengan efisien.
 - Mewujudkan persefahaman antara ketua dengan anak buah kerana ia penting dalam menjadikan suasana tempat kerja harmoni dan kondusif.
- 4** (a) (i) Maksud Rabbaniyyah : Ketuhanan iaitu segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah.
- (ii) – Islam adalah agama yang diwahyukan oleh Allah.
- Islam dan seluruh makhluk merupakan hak milik Allah SWT
- Islam adalah satu pegangan yang jitu dan bersih daripada kekurangan, kejahilan dan dorongan hawa nafsu.
- Allah SWT sebagai pemberi peraturan hidup.
- (iii) – Penting untuk memahami tujuan kehidupan. Hal ini kerana semua yang ada di dunia ini adalah sementara dan akhirat adalah destinasi sebenar.
- Memahami Allah telah memberikan panduan yang jelas dan sebenar kepada semua. Ini akan menjadikan kita hidup terarah dan meletakkan Allah sebagai Pencipta alam ini.
- (b) (i) – Kerelaan dalam urus niaga tanpa memaksa mana-mana pihak untuk menjalankan urusan.
- Tidak mengandungi elemen haram seperti riba', gharar dan perjudian. Ini kerana Islam memandang keberkatan rezeki dan harta yang diperoleh mengatasi segalanya.
- Urus niaga tidak membawa kepada kerosakan struktur ekonomi dan sosial masyarakat kerana Islam menjamin kesejahteraan kepada umatnya.
- (ii) Al-Wadiah / Al-Mudharabah / Al-Murabahah / Al-Musarakah / Ar-Rahnu / Al-Ijarah.
- (iii) Kita akan menghadapi isu penindasan dan ketidakadilan dalam urusan seharian. Hal ini kerana , pendekatan konvensional dilihat tidak memperjuangkan prinsip muamalat Islam seperti kebajikan, kejujuran dan amanah dalam urusan yang dijalankan. Kesannya Ini akan mengganggu ketidakstabilan ekonomi dan menghilangkan kepercayaan dalam kalangan anggota masyarakat. Oleh itu, kita hendaklah memanfaatkan sistem muamalat Islam kerana ia bukan sahaja menjaga kebajikan malah memberi perlindungan terhadap milikan harta.
- 5** (a) – Sebagai sumber utama syariat Islam.
- Diberikan kitab sebagai panduan agar hidup mendapat petunjuk dan diberi pedoman.
- Membimbing dan membetulkan tatacara ibadat.
- (b) (i) – Menghabiskan masa bermain permainan dalam talian sehingga melalaikan (online gaming).
- Menonton video yang melalaikan atau berbaur lucah.

- (ii) Penggunaan gajet secara berlebihan boleh menyebabkan kelemahan fungsi akal manusia. Apabila seseorang terlalu bergantung kepada gajet untuk mendapatkan maklumat, membuat pengiraan atau menyelesaikan masalah, keupayaan berfikir secara kritikal dan kreatif akan semakin menurun. Ini menyebabkan akal menjadi malas, kurang fokus dan sukar membuat keputusan secara rasional dalam kehidupan seharian. Oleh itu, kita hendaklah berwaspada dengan pendedahan kepada kandungan negatif seperti hiburan melampau dan maklumat palsu kerana ia boleh merosakkan pemikiran serta akhlak seseorang.
- (c) (i) – Islam dan beriman.
 – Baligh dan berakal.
 – Adil.
 – Berilmu dan bijaksana.
 – Sempurna pancaindera.
- (ii) – Menjatuhkan hukuman secara adil dan saksama setimpal dengan kesalahan. Hukuman yang dijatuhkan mestilah tidak mengira darjat, kedudukan supaya kredibiliti hakim dipandang tinggi.
 – Menjatuhkan hukuman dalam keadaan tenang. Hakim perlu membuat keputusan dalam keadaan yang tidak terburu-buru atau mempunyai pelbagai perasaan.
 – Menjatuhkan hukuman tanpa keraguan atau kesamaran. Sebarang dakwaan dan hukuman mesti melalui bukti yang cukup, bagi mengelakkan kekhilafan
 – Membebaskan tertuduh sekiranya tiada sabitan kes atau tidak mempunyai bukti yang kukuh supaya tidak berlaku penganiayaan kepada si tertuduh.
- (iii) – Menkuatkuasakan undang-undang syariah secara menyeluruh dan berkesan. Kerajaan dan pihak berkuasa perlu memberikan bidang kuasa yang lebih luas kepada mahkamah syariah serta melaksanakan hukuman berdasarkan hukum Islam bagi kes jenayah syariah, kekeluargaan dan muamalat.
 – Melahirkan hakim dan pegawai kehakiman yang berintegriti dan berilmu. Institusi pendidikan dan latihan kehakiman perlu memastikan bahawa hakim syarie mempunyai pengetahuan mendalam dalam fiqh, akhlak Islam dan undang-undang semasa agar keputusan yang dibuat adil, telus dan berlandaskan syariat.
 – Meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap sistem kehakiman Islam. Kempen kesedaran melalui media massa, ceramah dan pendidikan formal dapat memberikan penjelasan yang tepat tentang keadilan dan keindahan hukum Islam, sekali gus meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap institusi kehakiman syariah.
 – Memperkasa prasarana dan teknologi dalam institusi kehakiman Islam. Penggunaan sistem e-kehakiman, kemudahan mahkamah yang kondusif, dan pemodenan prosedur perbicaraan dapat menjadikan sistem kehakiman Islam lebih efisien, profesional dan diyakini masyarakat.
- 6 (a) (i) – Bertujuan mengagungkan Allah dan mendidik jiwa.
 – Berhibur selari dengan kehendak syariat.
 – Meliputi aspek iman dan akhlak.
 – Hiburan sebagai memenuhi fitrah manusia.
 – Membangunkan potensi umat Islam dalam seni hiburan.

- (ii) – Hiburan yang boleh meningkatkan iman dengan cara ia sentiasa membawa pendengar ke arah lebih dekat dengan Allah SWT.
- Hiburan yang tidak bercanggah dengan syarak dengan tidak mencampur adukkan unsur maksiat, lucah atau perkara yang mendatangkan kemudharatan.
- Hiburan yang berteraskan nilai akhlak Islam dengan memberi contoh teladan yang membawa kebaikan kepada pendengar juga penghibur.
- Menghasilkan karya hiburan asli dengan tidak meniru, meniplak atau mendatangkan kesan buruk terhadap karya orang lain.
- (b) – Mengetahui batasan manusia dalam berhibur supaya tidak keterlaluan.
- Memelihara jiwa dan maruah diri agar sentiasa terpelihara.
- Mencipta karya hiburan yang selari dengan nilai akhlak dan Islam yang tinggi.
- (c) **Negara Islam :**
 - Meliputi seluruh dunia dan batas sempadannya selagi ada penduduk yang mengucapkan dua kalimah syahadah.
 - Meletakkan Allah SWT sebagai kuasa tertinggi negara.
 - Menjadikan iman dan takwa sebagai ciri utama daripada ketua negara hinggalah ke rakyat jelata.
 - Menjadikan undang-undang Allah SWT sebagai undang-undang negara.
- Negara Bukan Islam :**
 - Memisahkan sesebuah negara berdasarkan faktor geografi dan mementingkan taraf kewarganegaraan rakyat
 - Meletakkan pendapat majority rakyat sebagai asas pemerintahan.
 - Mengabaikan syarat keimanan dan ketakwaan dalam memilih pemimpin.
 - Menjadikan undang-undang ciptaan manusia sebagai undang-undang negara.
- (d) Sekiranya pemimpin tidak berlaku adil, ia boleh menyebabkan rakyat hilang kepercayaan terhadap kepimpinan dan sistem pentadbiran negara. Apabila rakyat melihat wujudnya amalan pilih kasih, penyelewengan kuasa dan ketidakadilan dalam membuat keputusan, mereka akan merasa tertindas dan kecewa. Kesannya, keadaan ini boleh mencetuskan kemarahan, protes, dan perpecahan dalam masyarakat. Akhirnya, kestabilan negara tergugat dan pembangunan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana tiada sokongan padu daripada rakyat. Oleh itu, kita hendaklah memilih pemimpin yang adil, kerana pemimpin yang adil pasti akan menjaga kebajikan rakyat
- (e) Salah satu tindakan yang boleh dilakukan oleh individu ialah menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi dengan memilih pemimpin yang berintegriti dan berpegang kepada ajaran Islam. Melalui pilihan raya, individu memainkan peranan penting dalam menentukan kepimpinan negara yang akan menggubal dasar dan undang-undang. Jika individu memilih pemimpin yang adil, amanah dan memperjuangkan nilai-nilai Islam, maka pemerintahan yang terbentuk akan lebih cenderung kepada pelaksanaan syariah. Oleh itu, kita hendaklah memainkan tanggungjawab dengan penuh amanah, kerana kita akan dipersoalkan sekiranya kita tidak menjalankan amanah dengan baik di akhirat kelak.

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

Bahagian A

1	Zakat	11	Terhadap ibadah
2	Rasul	12	Terhadap Akhlak
3	Hudud	13	Pencegahan
4	Kapitalis	14	Pemulihan
5	Umum	15	Pembalasan
6	Mazmumah	16	✓
7	Al Ijarah / sewaan	17	✗
8	Jual beli	18	✗
9	Nutfah	19	✗
10	Mudghah	20	✓

Bahagian B

- 1 (a) (i) Islam adalah cara hidup yang merangkumi akidah, ibadah dan akhlak.
(ii) – Memandu hidup manusia / supaya mengikut syariat
– Jalan untuk bahagia / di dunia dan akhirat
– Akal manusia terbatas / untuk mengetahui hakikat kebenaran sesuatu perkara.
 - (b) (i) – Beriman dengan malaikat
– Beriman dengan Qadak dan Qadar
(ii) Terkeluar daripada Islam / kerana ia merupakan asas kepada agama Islam. Ini menyebabkan manusia tidak lagi takut untuk melakukan dosa. Oleh itu, kita hendaklah memupuk rasa beriman sejak dari kecil lagi.
 - (c) (i) – Allah SWT adalah pemilik sebenar harta
(ii) – Hak milik individu: memiliki rumah.
– Hak milik negara: hasil galian
– Hak milik umum.:sungai
 - (d) – Dilaknat Allah / kerana melanggar syariat
– Dibenci masyarakat / kerana melakukan kerja buruk
– Rasa berdosa / seperti apabila bekerja sebagai pelacur.
-
- 2 (a) – mudhgah -izam dan lahma - janin - bayi
 - (b) – Perpaduan dapat dikekalkan
– hidup dengan saling bertoleransi
– wujud keharmonian dalam masyarakat.
 - (c) – Sumber utama syariat Islam
– Membetulkan cara beribadat
– Ganjaran beribadat telah ditetapkan
 - (d) (i) – Pekerjaan yang halal
– menurut kehendak syariat
– menjaga ketenteraman awam
– mengambil berat tentang orang lain
(ii) – Berlaku masalah sosial / seperti melepak
– Berlaku masalah jenayah / seperti mencuri
 - (e) – mengadakan kempen kesedaran / bagi menarik minat mereka terhadap simpanan syariah/ Ini kerana ianya adalah satu kewajipan bagi umat Islam / untuk menjauhkan diri dari unsur riba atau judi./ Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berusaha mencari rezeki yang halal / agar hidup diberkati oleh Allah.
-
- 3 (a) – berlandaskan ketaatan kepada Allah
– mengamalkan akhlak mulia
– berkomunikasi dengan positif
 - (b) – Menyediakan keperluan asas / seperti makan minum
– melindungi isteri / dari segala bahaya
– berlaku adil / jika berpoligami.
 - (c) Saling bekerjasama / dalam membantu jiran yang dilanda musibah. / ini menunjukkan sikap prihatin masyarakat / yang merupakan suatu akhlak yang dituntut di dalam Islam.
 - (d) (i) Mengguna sumber manusia dan sumber alam / untuk kebajikan manusia
(ii) – Islam merupakan dasar pentadbiran
– Menggunakan sistem syura
– Menggunakan piagam madinah
(iii) – fizikal yang / sihat dan sempurna
– pengetahuan / yang luas
– yakin terhadap / diri sendiri

- mempunyai semangat / yang kuat
- 4
- (a) – taat kepada perintah Allah / meninggalkan larangan-Nya.
 - (b) – Zabur, Taurat, Injil, Al-Quran
 - (c) – Fardu ain seperti solat 5 waktu
 - sunat seperti solat sunat
 - fardu kifayah seperti solat jenazah
 - (d) – kerelaan dalam urus niaga
 - tidak mengandungi elemen haram
 - tidak membawa kepada kerosakan ekonomi
 - (e) (i) – Al Murabahah - Al bai' Bithaman Ajil - Al Wadiah
 - (ii) – Daniel tidak terlibat di dalam hutang / yang boleh membebaskan hidupnya /. Ini akan membuatkan hidup Daniel lebih tenang
- 5
- (a) – Bersumberkan Quran dan Sunnah
 - tetap sepanjang zaman
 - meliputi semua aspek kehidupan.
 - (b) – Melahirkan masyarakat yang bertakwa
 - Mendapat pendidikan seimbang dari segi rohani dan fizikal
 - Melahirkan tenaga pakar utk mentadbir alam
 - (c) Saya akan membuat kempen kesedaran / tentang bahaya vape / kepada remaja berikut / agar mereka dapat berfikir dengan rasional./ oleh itu tindakan ini perlu dilaksanakan agar terhindar dari azab Allah.
 - (d) (i) – merujuk kepada wahyu / Al-Quran dan Hadis.
 - Mengamalkan adab dan akhlak Islam
 - Menentang kezaliman dan menegakkan keadilan.
 - (ii) – Zina : Belum berkahwin disebat 100 kali
 - qazaf : disebat 80 kali
 - minum arak: Disebat 40 kali.
 - Mencuri: dipotong pergelangan tangan.
 - (e) (i) Kesalahan mengikut syarak yang wajib dilaksanakan / bagi menunaikan hak manusia yang dizalimi.
 - (ii) – nasihat - ancaman - denda - penjara - buang daerah
- 6
- (a) (i) – Berpandukan Al-Quran dan Sunnah
 - Menghormati kepelbagaian budaya
 - Perhubungan atas dasar takwa.
 - mengamalkan akhlak mulia.
 - (ii) – Mengadakan gotong royong / membersihkan kawasan.
 - Mengadakan aktiviti sukaneka / bersama jiran.
 - Membuat majlis rumah terbuka / di peringkat kejiranan.
 - (b) – Melahirkan generasi bertakwa.
 - Menjaga kehormatan manusia.
 - Membentuk akhlak mulia.
 - memastikan kelangsungan zuriat manusia.
 - (c) – rakyat hendaklah berjimat cermat / ketika menggunakan bantuan yang diberikan / dengan tidak membeli barang yang tidak berfaedah / seperti rokok, dadah dan sebagainya. / Justeru, rakyat hendaklah bersyukur / dengan bantuan yang diberikan / agar hidup lebih bahagia.
 - (d) (i) – Musyawarah - Keadilan - Kebebasan - Persamaan
 - (ii) – Dimurkai Allah / kerana tidak amanah.
 - Berlaku penyelewengan / dalam pentadbiran.
 - Terdedah kepada / ancaman musuh.